

TEKS UCAPAN

**YB DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB
MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH**

SEMPENA

MAJLIS KKLW BERSAMA SPRM

**DEWAN SERI LESTARI,
ARAS B1, KKLW**

**8 MAC 2017 (RABU)
WAKTU KETIBAAN : 10.00 PAGI**

Bismillahirrahmannirrahim
Terima kasih Pengerusi Majlis

SALUTATIONS

Yang Berhormat Datuk Alexander Nanta Linggi
Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad Jazlan bin Yaakub
Timbalan-Timbalan Menteri
Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah

Yang Berbahagia Datuk Dzulkifli bin Ahmad
Ketua Pesuruhjaya
Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia

Yang Berbahagia Dato' Shamshun Baharin bin Mohd Jamil
Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan)
Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia

Yang Berbahagia Datuk Haji Azam bin Baki
Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi)
Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia

Timbalan-Timbalan Ketua Setiausaha
Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah

Setiausaha-Setiausaha Bahagian
Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah

Ketua-Ketua Jabatan dan Agensi
Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah

Ketua Pegawai Eksekutif Anak Syarikat

Pengarah-Pengarah Negeri

Rakan-rakan Media dan warga KKLW

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,
Salam Negaraku Malaysia

UCAPAN TERIMA KASIH

1. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurnia dan keizinanNya dapat kita sama-sama berkumpul dalam majlis hari ini.
2. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berbahagia Datuk Dzulkifli Ahmad, Ketua Pesuruhjaya, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan para penceramah kerana sudi hadir berkongsi pencerahan berkaitan maksud sebenar tentang rasuah dalam Majlis KKLW Bersama SPRM pada hari ini.
3. Besar harapan kami di Kementerian ini dengan penjelasan yang diberikan dapat membantu kami di Kementerian ini untuk sentiasa beringat dan mematuhi prosedur-prosedur yang telah ditetapkan oleh Kerajaan serta kesalahan-kesalahan di bawah Akta SPRM.

Yang Berbahagia Datuk / Dato' / Datin dan warga Kementerian yang kasihi,

CABARAN MENANGANI RASUAH

4. Pada awal tahun ini, Kementerian telah diuji dengan pelbagai kes penyalahgunaan kuasa oleh penjawat awam. Perkara ini dianggap serius dan boleh memberikan sedikit impak kepada imej Kementerian dan penjawat awam, khususnya.
5. Penganjuran program ini adalah salah satu inisiatif Kementerian bagi membendung permasalahan rasuah melalui perkongsian penerangan di samping menyokong usaha Kerajaan memerangi rasuah.
6. Seperti yang kita ketahui, rasuah boleh datang dalam pelbagai bentuk sama ada hadiah, jamuan makan, komisen dan sebagainya. Oleh itu, sama ada kita sedar atau tidak, sebenarnya peluang berlakunya rasuah di sekeliling kita sangat mudah dan tanpa kita sedari.
7. Ironinya, rasuah sudah lama wujud dan memerangnya menjadi keutamaan Kerajaan. Jika kita mahu berjaya sebagai sebuah negara yang bebas rasuah, kita mesti bekerja bersama-sama merentas jurang politik untuk menjadikan rasuah tidak diterima masyarakat.
8. Dalam Kerajaan, sebagai contoh, prosedur perolehan kini kebanyakannya melalui tender terbuka, dengan beberapa rundingan terus. Rasuah perlu ditangani

di semua peringkat - bukan sahaja 'ikan besar', malah rasuah peringkat rendah juga akan menjejaskan kehidupan seharian rakyat.

9. Pelbagai usaha dilakukan demi menyokong usaha membanteras jenayah rasuah, namun sekiranya tiada kerjasama, kesedaran dan pengetahuan, ianya umpama bertepuk sebelah tangan. Kita tidak boleh memetik jari dan rasuah lenyap dalam sehari, sebulan atau setahun.

Para hadirin sekalian,

INDEKS PERSEPSI RASUAH (CPI)

10. Untuk makluman, Indeks Persepsi Rasuah (CPI) Malaysia tahun 2016 menurun dari tangga 54 ke 55 daripada 176 buah negara. Di peringkat ASEAN, Malaysia berada di bawah Singapura (kedudukan ke-7) dan Brunei (ke-41) namun di atas Indonesia (ke-90), Filipina (ke-101), Thailand (ke-101), Vietnam (ke-113), Laos (ke-123), Myanmar (ke-136) dan Kemboja (ke-156).

11. Menurut indeks yang dikeluarkan oleh *Transparency International* (TI) Malaysia, ukuran skor Malaysia juga menurun kepada 49 berbanding 50 pada tahun lalu sekaligus membuktikan aktiviti anti rasuah berjaya dilaksanakan bagi mewujudkan persekitaran bebas rasuah dalam sektor awam dan swasta pada 2016.

12. Namun, ia masih belum boleh dikatakan berada di kedudukan yang selesai. Indeks CPI ini biasanya digunakan oleh para pelabur antarabangsa untuk memutuskan sama ada boleh membuat pelaburan atau sebaliknya di negara berkenaan.

13. Walau bagaimanapun, semakin tinggi kedudukan sesebuah negara dalam senarai penarafan tersebut, semakin cekap prestasi perkhidmatan awam di negara tersebut, sekali gus memberi kesan baik ke atas penarafan keseluruhan daya saing negara.

Yang Berbahagia Datuk / Dato' / Datin dan warga Kementerian,

SENTASA BERINTEGRITI

14. Integriti merupakan aspek yang sangat penting dalam kita menjalani kehidupan seharian. Isu integriti bukan hanya terfokus kepada isu-isu rasuah sahaja, malah ia merupakan satu konsep yang lebih besar. Amalan budaya kerja cemerlang berkait rapat dengan integriti. Contohnya, ketepatan waktu, penyampaian maklumat, perkhidmatan, kerahsiaan maklumat, menepati janji, pergaulan antara rakan sekerja dan banyak lagi. Kehidupan kita di dunia ini tidak dapat lari daripada berinteraksi dengan masyarakat sama ada dalam urusan rasmi mahu pun urusan tidak rasmi.

15. Apa lagi sebagai penjawat awam, sememangnya merupakan satu amanah untuk kita memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada para *stakeholders* yang terdiri daripada orang ramai, para peniaga, pelabur asing, ahli-ahli pentadbiran dan sebagainya.

16. Bagi memastikan kualiti penyampaian perkhidmatan Kerajaan sentiasa dipercayai dan cemerlang, setiap penjawat awam mesti mempunyai tahap integriti yang tinggi. Rakyat akan menikmati hasil sebenar perkhidmatan berkualiti yang disampaikan oleh penjawat awam.

17. Tidak terkecuali, anggota swasta yang meliputi Syarikat Berkepentingan Kerajaan (*Government Linked Companies*) juga mestilah mempunyai tahap integriti yang tinggi dalam menjalankan urusan perniagaan. Konsep syarikat beroperasi bertujuan membuat keuntungan tidak harus diertikan dengan “berurusanlah dengan apa cara sekali pun asalkan syarikat mendapat untung”.

18. Sesungguhnya, organisasi yang tidak mementingkan integriti dalam setiap urusan harian tidak akan bertahan lama seperti kata-kata seorang penulis *Samuel Johnson*, “ ***Integrity without knowledge is weak and useless, and knowledge without integrity is dangerous and dreadful***”.

19. Oleh itu, bagi memantapkan usaha-usaha penerapan dan peningkatan integriti dalam sektor awam, Kerajaan pada 1 Ogos 2013 telah menguatkuasakan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2013 mengenai Penubuhan Unit Integriti di Semua Agensi Awam.

20. Di manakah integriti bermula? Confucius pernah menyatakan bahawa, “***The strength of a nation derives from the integrity of the home***”. Segalanya bermula di rumah, melalui hubungan keluarga yang sihat, didikan agama dan persekitaran positif mampu membentuk jati diri dan integriti seseorang.

PENUTUP

21. Akhir kata, saya bagi pihak Kementerian ini mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada pasukan SPRM, di atas pandangan dan nasihat sepanjang majlis ini berlangsung.

22. Saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan terima kasih kepada seluruh warga Kementerian kerana dapat hadir dan bersama-sama mendengar taklimat ini demi kebaikan semua pihak.

23. Saya juga menyeru kepada seluruh warga Kementerian untuk melaksanakan tugas dan amanah yang dipertanggungjawabkan ini dengan penuh berintegriti demi agama, negara dan bangsa tercinta.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.